

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

HKN 206 - Kesusasteraan Bercorak Islam Di Nusantara

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNG LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja.

1. Di penghujung abad ke-14, Abdul Karim al-Jili telah mengemukakan teori "The Perfect Man is the mirror that reflects the divine Reality, but he is not that divine Reality itself. He is the entire Creation (al Khalq) as a reflection of God (al Haqq), but he is not God."

Dengan berlatarkan fahaman al-Jili mengenai al-Insan al-Kamil, secara kritis perlihatkan hubungkait teori ini dengan konsep Nur Muhammad seperti yang terdapat dalam Hikayat Nur Muhammad.

2. Secara umum, Maulud Jawi ialah sebuah karya bercorak Islam yang hanya menghuraikan biografi hidup Nabi Muhammad s.a.w. sahaja.

Sejauhmanakah kenyataan ini dapat diterima? Berikan jawapan anda dengan meneliti beberapa pokok persoalan dan cara pengutaraannya di dalam karya ini.

3. Dengan menyertakan contoh-contoh peristiwa yang signifikan, bincangkan secara kritis keistimewaan unsur-unsur kebetulan sebagai salah satu daripada ciri-ciri umum karya fiksyen bercorak Islam yang terpancar di dalam Hikayat Tamim al-Dari.

4. A. Bausani berpendapat, struktur sastera hikayat klasik Melayu iaitu Hikayat Maharaja Ali diwarnai dengan unsur-unsur keluarbiasaan dan kejaiban yang berakarkan sebuah mitos Hindu atau *eternal saga of the avatara*.

Dengan merujuk kepada pandangan A. Bausani tersebut, buktikan bahawa teks ini boleh diubahsuai dengan mengikut rangka rujukan Islam.

5. Semasa hayatnya Sultan Iskandar Thani telah membina sebuah taman yang dinamakan Taman Ghairah.

Secara kritis nilaiakan gambaran yang dibuat oleh Nuru'd-din ar-Raniri tentang taman ini di dalam karyanya Bustanu al-Salatin. Berikan juga tafsiran anda tentang taman ini dengan merujuk kepada unsur-unsur atau benda-benda tertentu yang terdapat di dalamnya.

6. Dengarkan sini hai anak ratu
Ombak dan airnya adalah satu
Seperti manikam muhit dengan batu
Inilah tamsil engkau dan ratu.

Nilaikan diksi dan penggunaan imej dalam puisi di atas yang dipetik dari Ruba'i Hamzah Fansuri. Tunjukkan juga kaitan antara aspek-aspek tersebut dengan idea-idea kesufian yang dikemukakan oleh Hamzah Fansuri dalam keseluruhan karyanya itu.

7. Bincangkan konsep wira dalam sastera Melayu bercorak Islam? Kemudian, dengan huraiyan yang kritis dan contoh-contoh yang sesuai, wajarkan kedudukan dan peranan Siti Zubaidah dalam Syair Siti Zubaidah Perang Cina.
8. Jelaskan konsep Kalbu sebagai Baitullah seperti yang diterangkan oleh Tuan Tabal dalam kitab Jala 'al-Qulub bidhikri'Llah. Tunjukkan bagaimana proses pelenturan hati dan kesempurnaan insan dapat dicapai menurut saranan pengarang kitab ini.

-oo000oo-